

### **13.7 Lukisan Siap Dibina**

- 13.7.1 Lukisan siap dibina hendaklah dikemaskini di sepanjang masa Kerja berjalan dan hendaklah dikemukakan kepada P.P secara berperingkat-peringkat menurut aturan kerja. Lukisan siap dibina hendaklah dikemaskini dan disiapkan seberapa segera setelah Kerja disiapkan.
- 13.7.2 Lukisan siap dibina hendaklah menunjukkan Kerja sebagaimana dibina, terutamanya kedudukan dan laluan paip-paip perkhidmatan dan kabel-kabel yang tertanam. Satu set Lukisan siap dibina mesti diserahkan kepada P.P. dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja untuk rekod dan penyenggaraan kerja tersebut. Satu set lukisan tersebut hendaklah dihantar kepada Cawangan pelanggan yang berkenaan di Ibu Pejabat JKR untuk rekod dan dimana perlu, bagi mengemaskini lukisan - lukisan piawai.

### **13.8 Kecacatan**

- 13.8.1 Kecacatan, kekecutan dan kerosakan lain yang mungkin kelihatan pada Kerja dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang disebabkan oleh bahan atau mutu Kerja yang tidak menepati kontrak, hendaklah diperbaiki oleh Kontraktor atas perbelanjaannya sendiri.
- 13.8.2 Prosedur-prosedur yang perlu diikuti mengenai kecacatan Kerja adalah seperti berikut:
  - (a) Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah dinasihatkan supaya melaporkan dengan kadar segera apa-apa kecacatan yang kelihatan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.
  - (b) Setelah menerima laporan mengenai sebarang kecacatan dari Jabatan/Kementerian Pelanggan, Kontraktor hendaklah diarahkan untuk memperbaiki kecacatan tersebut. Kontraktor hendaklah diberi tempoh masa yang munasabah untuk berbuat demikian. Apa yang dimaksudkan dengan tempoh masa yang munasabah bergantung kepada keadaan dan tahap kecacatan tersebut.